


Mengharungi N Titik Noktah



SUARA TAJAM MENEMBUSI ALAM KESUNYIAN

DR. MOHD NASIR HASHIM



ERDANA
FADRSANI
FOUNDATION
TAYASUK
KEPIMPINAN
ERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Mengharungi Titik Noktah

DR. MOHD NASIR HASHIM



PUSTAKA PERDANA



1009437



PARTI SOSIALIS MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Diterbitkan Oleh:



Gerakbudaya Enterprise

No 11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Email: sird@streamyx.com

Website: www.gerakbudaya.com



PARTI SOSIALIS MALAYSIA

A-12-1, Blok A jalan Teknologi 3/9, Bistari D'Kota,

Seksyen 3, Kota Damansara,

47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

© Dr. Nasir Hashim
Cetakan Pertama 2011

Tipografi & Rekabentuk
Surayah Md. Suri

HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Deleted Book Press dan Parti Sosialis Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia - Data - Mengkatalog - Dalam - Penerbitan

Mohd Nasir Hashim

Mengharungi titik noktah / Mohd Nasir Hashim

ISBN 978-967-0311-02-9

1. Malay fiction. I. Judul

899.2333



Ku lihat demokrasi dilahirkan dengan penuh kesopanan
 Ku lihat demokrasi diukirkan dalam sejarah perlembagaan
 Ku lihat demokrasi dilamarkan ke pelosok dunia

Tetapi di dalam alam yang berpancaroba ini
 Ku lihat demokrasi tunduk... meniti garisan yang sepi
 Ku lihat demokrasi menangis dalam definisi insan
 Ku lihat demokrasi disedut dalam putaran jahanam
 meluahkan baka-baka penindas
 dan pencabul kemanusiaan dalam kancah
 pemerasan dan ghairahan keuntungan
 Ku lihat (dengan hati yang pilu) demokrasi tersungkur
 kerana ingin menegakkan kebenaran
 Ku lihat (dengan hati yang terbuku) demokrasi layu
 dalam pelukan penajanya
 persis membela kuasa dan lambang keangkuhan
 Ku lihat demokrasi mati di pangkuan anak cucunya
 kerana mereka enggan mengerti
 betapa mulianya demokrasi ini

Tetapi
 Dalam alam mewirakan rakyat
 Ku lihat (dengan penuh kemesraan) demokrasi
 ditatang manja dan dipupuk dengan tertib
 oleh manusia yang mengerti nilai kebebasan
 Ku lihat (dengan penuh cemburu) demokrasi
 bergerak bebas memandu jentera kesedaran
 dan melangkah era penindasan
 Ku lihat (dengan debaran kagum) demokrasi
 diabadikan dalam setiap detikan insan
 memujanya lagi... bererti mengangkuhkan diri

Begitulah hikmat demokrasi
 Lantang dilauung-laungkan dalam dunia yang menindas
 Sumbang dialu-alukan dalam dunia yang adil dan saksama

1

KERESAHAN

Mak Minah termenung. Merenung jauh... Memikirkan sesuatu. Ingin berpaut kepada sesuatu. Muka yang bujur sirih ini sering mengalih pandangan. Anaknya yang kerdil duduk terseliput di celah timbunan tanah. Bermandi dengan debu-debu kuning-coklat yang berputar ligat bila diterpa angin lalu. Mukanya comot, koreng, berhingus... bermisaikan tanah. Lalat-lalat pula berdansa di permukaan jasad. Tetap mengorek tanah, menikamnya dengan sebatang kayu sebesar kelengkeng jari. Patah. Dicari yang baru. Menikam lagi. Debu dan ketulan tanah terpelanting jauh. Memerhatikan ketulan bergolek-golek. Lenggok kepala mengikutinya hingga ketulan terhenti.

Entah apa yang dicari... dia saja yang tahu. Khusyuk dan penuh yakin seolah-olah ada sesuatu yang berharga yang harus menonjol keluar dari lubang tanah itu. Beberapa ekor ayam turut menumpang semangat. Mengais timbunan tanah di sebelahnya... sebagai teman-teman sejati. Tangan Si Budak kecil ini terangkat-angkat cuba menghalau tetamu-tetamu yang tidak diundang itu. Kerana tanah yang dikeluarkan itu kian menggeluncur kembali ke dalam lubang. Tetamu-tetamu ini tetap tidak faham hasrat anak ini. Cuba membantu tetapi sumbangan tetap tidak dihargai.

Tangan bergerak... ayam-ayam pun lari.
 Tangan mencungkil... ayam-ayam pula kembali.
 Begitulah ragamnya, diulang tayang entah beratus kali.
 Mungkin ayam-ayam juga mempunyai agenda yang tersendiri.
 Sibuk mengais tanah mencari cacing atau akar-akar kering.

Apa pula agenda anak kecil ini. Dia saja yang tahu. Samasalah kita menunggu. Tubuhnya yang kurus kering itu sungguh menyiat hati. Itulah anak Mak Minah. Sudah empat tahun mengenali dunia. Badannya yang longlai itu memang tidak secocok dengan umurnya. Enggan bergaul dengan rakan-rakannya yang lain. Selalu sakit dan senang sangat diserang penyakit berak cair.

Sudahlah begitu, liat pulak memakan nasi. Itu pun kena disuap barulah dia hendak telan. Bermacam cara sudah diusahakan, diciptakan... tetapi cirit-biritnya masih berdegil. Tidak mahu melepaskan tubuhnya. Mungkin kena badi binatang agaknya. Pak Mat sudah pun memberi bermacam-macam jenis tangkal azimat. Air akar kayu sudah pun diminum. Namun keadaannya tetap tidak berubah. Rusing juga dibuatnya.

“Oooh! Mak Minah.”

Suara nyaring menembusi dunia kesunyian. Panggilan itu tidak berbalas.

“Ooi MAK MINAH... Sombongnya tuan rumah nii... HAAIIII!!!”

Dengan nada yang tegas, kuat tapi berlagu. Berlenggang-lenggok bunyinya.

“Wa'alaikum salaam.”

Sambut Mak Minah dalam keadaan tersentak, lalu mengurut dadanya. Dia menoleh mencari punca suara yang sudah pun dikenalnya itu.

Cik Limah sudah tersenyum lebar, terus mengusik lagi.

“Waaah... waaaah, macam orang kena penyakit angau aje!!”

“Tidaklah.”

Pantas Mak Minah menafikannya sambil tersengih... tersipusipu.

“Tengoklah Si Berahim tuuu!!”

Lalu memuncungkan mulut ke arah anaknya yang masih terseliput di celah timbunan tanah.

“Selalu seorang diri.”

Mak Minah menyambung lagi dengan perasaan sedih. Anaknya sudah mula membaling pasir ke arah ayam-ayam yang tidak diundang itu. Ayam-ayam tetap berdegil.

Cik Limah menghampirinya dan menumpukan pandangannya ke arah halaman rumah yang tidak berumput itu. Walaupun menghayati perasaan dan keluhan Mak Minah, dia pura-pura tidak mengendahnya lalu berkata.

“Itu perkara biasalah. Anak saya pun kadang-kadang kala begitu jugak. Mungkin, dia selalu kena usik tak?”

“Betullah tu...!!”

Mak Minah menjawab dengan pantas. Kening berkedut dan mata terbeliak sedikit.

“... dia ni suka sangat main dekat pokok kundang yang ada busut tu.”

Lalu memuncungkan lagi mulutnya ke arah seponon pokok kundang yang besar. Dahannya rendang, berdaun hijau pekat. Sebelah batangnya yang sebesar pemeluk itu terdapat sebuah busut anai-anai yang berketak-ketak rupanya. Mungkin sudah bertahun-tahun bermastautin di situ.

Cik Limah terhenti seketika. Tarik nafas. Dia mengatur bahasa.

“Awak niiii la hai! Bukan itulah... maksud aku.”

“... mungkin... Si Berahim tu, anak awak... tuuu, selalu kena usik dengan kawan-kawannya atau adik beradiknya. Pasal itulah dia tak mahu bercampur sangat.”

“Awak ni tak percaya hantu ke... tak percaya kena sampuk hantu ke?”

Dahi Mak Minah sudah berkerut dan matanya makin membulat besar.

“Bukanlah begitu... awak ni teruk sangatlah.”

“Maklumlah aku lulus darjah enam saja... aku memang bodooh.”



Mak Minah pura-pura merajuk. Sudah memesongkan cerita asal.

Ke situ pulak perginya perbualan ini.

Kedua-dua bertentang mata. Dua pasang mata sudah terbeliak. Dua-dua ketawa. Kerana mereka tahu dialog ini sudah basi dan sering diulang tayang apabila timbul sesuatu masalah.

Cik Limah adalah kawan yang paling rapat pada ku. Sebenarnya nama aku adalah Aminah tetapi nama glamor ku Mak Minah. Semua orang panggilnya begitu. Aku sudah kenal Cik Limah lebih kurang tujuh tahun dan dia lebih lama tinggal di sini... di kawasan Kampung Melayu Jaya ini.

Sebenarnya, kampung ini memanglah kampung setinggian dan faham-faham sajalah. Rumah memang dekat-dekat. Dapur bertembung dapur. Kalau kentut pun orang sebelah menyebelah boleh dengar dan mereka pula buat-buat sibuk mencari bangkai kataklah, tahi ayam candulah, melatahlah asalkan kita tahu dia terdengar kentut kita itu. Apa boleh buat inilah kampung kami. Selalu diserang oleh orang-orang majlis daerah, kontraktor orang kaya, polis sibuk melawat, banjir kilat, jenayah dan berbagai-bagai angkara yang lain.

Walaupun ada yang masuk dan keluar kawasan ini, seperti kampung hinggap atau kampung sementara, macam kata Cik Limah tempat *transit*. Entah mana dia belajar bahasa orang putih ini, aku pun tak tahu. Kami anggap diri kami ni sebagai satu keluarga yang besar. Sekali-sekala ada juga perselisihan faham. Tetapi cepat baik. Cepat bertolak ansur. Maklum sajalah kita semua orang merantau. Masing-masing mempunyai pandangan dan pengalaman yang berbeza-beza.

Kepada anak-anak ku yang ku kasihi
Aku mengucapkan selamat hari jadi
Aku tidak ada buah tangan hendak diberi
Hanya kasih sayang saja yang ingin ku curahkan

Betapa megah dan bangganya apabila melihat mu
Pertama kali menyedut udara baru
Membuka mata mengenal dunia
Suara tajam menembusi alam kesunyian